

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

HGW 371 – Geografi Wilayah Asean dan Asia Pasifik

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN [8]** soalan di dalam **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja.

1. Semangat ASEAN telah dapat mengatasi masalah-masalah kepelbagaian dalam Asia Tenggara untuk mewujudkan perpaduan dalam ASEAN. Bincangkan.
[25 markah]
2. EAEC tidak akan bersaing dengan APEC tetapi saling lengkap melengkapi untuk membantu membangunkan ekonomi ASEAN. Bincangkan.
[25 markah]
3. Walaupun AFTA dapat membantu meningkatkan jumlah perdagangan dalaman ASEAN tetapi terdapat juga masalah-masalah yang perlu ditangani oleh Malaysia dalam melaksanakan AFTA itu. Bincangkan.
[25 markah]
4. Merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai, huraikan ciri-ciri perdagangan dalaman dan luaran ASEAN. Jelaskan kepentingannya kepada negara-negara tersebut.
[25 markah]

...2/-

5. Perindustrian yang pesat di negara-negara ASEAN telah mempromosikan pola tenaga buruh mengikut gender di mana wanita telah menjadi tenaga buruh utama perindustrian berorientasikan eksport. Bincangkan.
[25 markah]
6. [a] Huraikan ideologi terhadap pembahagian kerja mengikut gender dalam kebanyakan budaya di negara-negara ASEAN.
[10 markah]
- [b] Bincangkan bagaimana ideologi ini memberi kesan kepada dasar-dasar pembangunan mengikut gender.
[15 markah]
7. **SAMA ADA**
- [a] Merujuk kepada contoh-contoh yang relevan, bincangkan ciri-ciri kependudukan bagi mana-mana sebuah negara ASEAN
- ATAU**
- [b] Bincangkan kedudukan taraf hidup terkini bagi sebuah negara ASEAN yang anda mempunyai pengetahuan khusus.
[25 markah]
8. Kemasukan buruh asing sama ada secara sah atau sebaliknya ke Malaysia atau ke negara-negara ASEAN lain membawa kebaikan dan keburukan kepada negara-negara tersebut. Bincangkan.
[25 markah]